

Ekspos Persisi-Perses berbeza dari yg lain

8 JUN 1979

Pencak Silat

JAWATANKUASA Kerja Projek Bersama Persisi/Perses akan mengadakan eksposi perdagangan secara besar-besaran pada akhir bulan ini, di tanah lapang antara Sims Avenue dengan Eunos Road 5, bermula hujung bulan ini.

Encik Mansor Haji Sukaimi, Anggota Parlimen Kampung Kembangan yang juga timbalan presiden Perses, menyatakan ekspo yang akan berjalan dari 30 Jun hingga 5 Ogos itu, akan berbeza dari ekspo-eksposi perdagangan yang pernah diadakan.

Sebab, ekspo selama 37 hari itu akan mendedahkan lebih banyak kegiatan kebudayaan Melayu sebagai menggantikan acara-acara hiburan lain yang pernah

diadakan dalam ekspo-eksposi sebelumnya.

Di samping itu akan diadakan juga peraduan-peraduan yang dianggap sesuai dan dapat menarik perhatian orangramai seperti pencak silat, sepaktakraw dan beberapa yang lain.

Sepaktakraw bulatan itu akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu untuk pasukan terbuka dan individu. Ia akan dibahagikan lagi kepada bahagian iaitu junior dan veteran.

Unsur2 seni

Selain dari itu akan diadakan juga peraduan-peraduan yang berbentuk hiburan seperti ghazal, kugiran, panjat pokok pinang dan bina badan.

Encik Mansor menyatakan pihaknya mengaturkan peraduan-peraduan tersebut memandangkan ia mempunyai unsur-unsur

seni budaya serta dapat menarik perhatian ramai.

Dia menjelaskan bahawa sebahagian dari hasil pungutan ekspo itu akan digunakan untuk membantu persiapan pasukan sepaktakraw kebangsaan ke Sukan SEA di Jakarta September depan.

Sebahagian lagi dari pendapatan itu akan mengadakan digunakan bagi membantu demonstrasi silat Persisi, projek membaharu Pusat Perses di Jalan Eunos serta pembinaan rumah Persisi berhampiran Pusat Perses.

Kedua projek membantu dan membina bangunan itu dijangka akan menelan belanja sebanyak \$80,000.

Sementara itu dia juga menerangkan bahawa satu pertemuan telah diadakan dengan jawatankuasa pentadbir Mesjid Aminah yang terletak berhampiran den-

gan kawasan di mana eksposisi itu akan diadakan.

"Pertemuan itu diadakan atas inisiatif kami dalam usaha menjaga ketenteraman orang-orang yang sedang beribadah di masjid itu, semasa ekspo tersebut berjalan."

Ambil berat

"Kami sangat-sangat menghargai dan mengambil berat terhadap segala pandangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa itu."

Ekspo tersebut merupakan projek sulung bagi jawatankuasa bersama Persesi/Persisi yang telah dibentuk awal tahun ini, di mana Anggota Parlimen Kolam Ayer, Encik Sidek Saniff dan Encik Mansor sendiri telah dilantik sebagai pengurus bersama-sama.

Encik Sidek adalah juga timbalan presiden Persesi.

Junjung dapur kelapa tugas yang tidak mudah

12 JUN 1979

SEKALI pandang tentu anda akan berkata bahawa anda juga mampu melaksanakan tugas yang dibuat oleh gadis ini (gambar atas) iaitu menjunjung dapur kelapa.

Tetapi tugas yang sedang dipikul oleh Radiah Ismail ini tidaklah semudah yang anda sangka. Dia terpaksa menahan panas dari dapur tersebut.

Pengalas

Dan yang paling merbahaya ialah jika minyak tanah yang diisikan di dalam kelapa atau minyak dari kuali yang diatasnya itu tumpah.

Bagaimanapun, semua bahaya itu dianggap sebagai satu permainan baginya, kerana dia mempunyai kemampuan untuk menahan semua rasa sakit tersebut, kerana keupayaannya membuat penumpuan perhatian iaitu satu ilmu yang diperlajari dari ayahnya semenjak enam tahun lalu.

Jadi, dengan begitu bersedia, dia telah menawarkan diri untuk menjadi pengalas dapur tersebut

Pencak Silat

sementara ibunya, Cik Rubiah Selamat menggorong keropok di dalam kuali itu.

Demonstrasi oleh murid darjah enam Sekolah Rendah Cairnhill itu akan merupakan salah satu acara menarik dalam persembahan Demonstrasi Seni Beladiri Antarabangsa yang akan dianjurkan oleh Himpunan Queenstown (HQ) pada 23 Jun ini, di Panggong Negara bermula pada 7.30 malam.

Encik Salman Simen, Yang Dipertua Himpunan Queenstown, ketika menjelaskan tentang persembahan itu berkata bahawa inilah kali ketiga persatuanya menganjurkan persembahan serupa itu.

"Tujuan diadakan demonstrasi yang akan melibatkan kira-kira 70 peserta itu ialah sebagai menyambut ulangtahun ke-17 HQ serta untuk me-

milah wakil bagi menyertai Pesta Silat yang akan diadakan tidak lama lagi."

Semua kutipan yang dibuat dari penjualan tiket untuknya akan dibahagikan sebagai derma kepada projek membina Balai Rakyat Brickworks, Darul Ihsan dan Skim Pendidikan HQ.

Lain-lain acara yang dijangka menarik dalam persembahan itu ialah demonstrasi seni beladiri dari beberapa orang bukan Melayu dan acara menonggang motosikal di atas tubuh manusia yang dibarangkan pada lantai berpalu.

12 JUN 1979

Karate

Antara demonstrasi beladiri peserta bukan Melayu termasuklah demonstrasi karate dari Encik Peter Chong dan persembahan judo dari Encik K.S.Moorthy.

Pemangku Menteri Halehwal Masyarakat, Dr. Ahmad Mattar dan isterinya akan menjadi tetamu tetamu kehormat pada malam tersebut dengan isteri Dr.Mattar, Cik Rogayah Mattar, akan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Tiket-tiket berharga \$3, \$6, \$10 dan tiket derma \$30 boleh dibeli dari Mohd. Ali Barber di Queensway Shopping Centre, Haji Hashim di Arab Street dan Geylang, juga di Blok 6, 20B, Queens Crescent atau menerusi telefon 4797823, 4793837 dan 4431029.

Demonstrasi seni beladiri di Panggong Negara

22 JUN 1979

Pencak Silat

AHLI-AHLI bertauliah dari badan-badan seni beladiri antarabangsa setempat akan menunjukkan keahlian masing-masing di Malam Kuningan pada 7.30 malam Sabtu ini di Panggong Negara.

Mereka akan menunjukkan beberapa jenis seni beladiri seperti judo, karate, tae-kwon-do, kungfu, tai-chee, silat zahir, silat konsentrasi dan silat kebatinan.

Para penonton pada malam itu juga berpeluang menyaksikan persembahan dari sebuah badan seni beladiri yang diundang khas dalam upacara tersebut iaitu Delegasi Kuningan Malaysia yang mengandungi lapan orang peserta.

Demonstrasi anjuran Himpunan Queenstown itu bertujuan bagi mengutip derma untuk dana pembinaan Balai Rakyat Brickworks, Rumah Anak-Anak Yatim Darul Ihsan dan Skim Pendidikan Himpunan Queenstown sendiri.

Turut menyertai malam itu ialah persembahan tarian dari Perkumpulan Seni yang dicipta khusus untuk majlis itu.

Tiket-tiket berharga \$3, \$6, \$10 dan tiket derma \$30 boleh dibeli dari Mohd. Ali Barber di Queensway Shopping Centre, Haji Hashim di Arab Street dan Geylang, juga di Blok 6, 20B, Queens Crescent atau menerusi telefon 4797823, 4793837 dan 4431029.

Tetamu kehormat pada malam itu ialah pemangku Menteri Halehwal Masyarakat, Dr. Ahmad Mattar yang juga Anggota Parlimen bagi Brickworks.